

KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu pemaju, penyedia perkhidmatan hospitaliti juga pengurus aset & fasiliti yang berdaya saing dan mampan. UDA utuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971. Seiring perkembangan kami dalam perniagaan, kami berhasrat menjemput syarikat berdaftar yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber kewangan untuk menyertai tawaran tender.

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berkelayakan serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal, kewangan dan peralatan untuk melaksanakan kerja yang ditawarkan.

TAJUK PROJEK	SYARAT - SYARAT PENDAFTARAN	BAYARAN DOKUMEN (1 SET)	WANG KESUNGGUHAN (EARNEST MONEY)
CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 18 UNIT RUMAH SESEBUAH (BANGLO 2 TINGKAT) DI ATAS LOT 26598 (PN 4614) HINGGA LOT 26607 (PN4623) DAN LOT 26610 (PN 4626) HINGGA LOT 26617 (PN 4633) DI TAMAN KUALA TERENGGANU GOLF RESORT (KTGR), FASA 6, TOK JEMBAL, MUKIM KUALA NERUS, DAERAH KUALA NERUS, TERENGGANU DARUL IMAN.	LPIPM / CIDB Gred G6 dan ke atas Kategori B04 Pemegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah	RM300.00 Untuk dibayar dalam talian. Maklumat no akaun boleh diperolehi daripada: UDA Land (East) Sdn Bhd PT 72867 Lorong Pelindung 11, Pelindung Heights, 25050 Kuantan, Pahang Tel: 09-505 5300 / 09-515 7634 Emel : ulesb@udanet.com (Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan)	RM5,000.00 Dalam bentuk Deraf Bank / Cek Bank / Wang Pos atas nama UDA Land (East) Sdn Bhd (Disertakan semasa mengemukakan tender)
Hanya petender-petender yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan memperolehi Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah daripada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta yang memenuhi kriteria syarat-syarat pendaftaran akan dipertimbangkan untuk mengemukakan tender.	TARIKH JUAL DOKUMEN TENDER	JUALAN DOKUMEN TENDER	TEMPAT PENGHANTARAN DAN TARIKH TUTUP TENDER
	Tarikh: 9 Mac 2023 sehingga 3 April 2023 pada waktu pejabat	Penender akan menerima pautan ke Dokumen Tender setelah mengemukakan bukti pembayaran, Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah kepada: tendersecretary@udanet.com dengan rujukan KU/1395/ULE/KTGR/PH6PAC/1/500/0822	UDA Holdings Berhad Tingkat 9, Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur TARIKH TUTUP: 13 April 2023 sebelum 12.00 tengah hari

PERHATIAN

- Petender adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderer) dalam Naskah Meja Tawaran sebelum membeli dokumen tender. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan dengan menghantar email kepada tendersecretary@udanet.com
- Petender hendaklah mempunyai pengalaman dalam membina dan menyiapkan kerja-kerja bangunan dengan jumlah kontrak sekurang-kurangnya RM10,000,000.00 dalam satu (1) kontrak di dalam tempoh 5 tahun terkini. Petender yang berpengalaman dalam pembinaan projek perumahan adalah lebih diutamakan.
- Kontraktor yang ingin memasuki tender DIGALAKKAN membuat pendaftaran vendor <https://udavendors.com>.
- Lawatan tender adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, sekiranya petender ingin membuat lawatan tapak perlu mendapat kebenaran UDA dan di atas tanggungjawab, masa dan kos pihak petender sendiri. Sebarang tender yang dikemukakan dianggap mengambil kira keadaan di tapak.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dikembalikan dalam sampul surat seperti yang dinyatakan dalam arahan kepada Petender. UDA Land (East) Sdn Bhd berhak untuk menerima atau menolak sebarang tender tanpa perlu memberi sebarang sebab. Tawaran yang diterima lewat juga tidak akan diberi pertimbangan dan UDA juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

IKLAN TENDER INI BOLEH JUGA DILAYARI DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS : <https://www.uda.com.my/contact-us/request-for-tender>



UDA LAND (EAST) SDN. BHD. (17472-V)
PT 72867 Lorong Pelindung Heights 11,
Pelindung Heights, 25050 Kuantan, Pahang

EMBRACE *Life*

UDA
PROPERTY